

UMS bangun eko-farm, pusat penyelidikan lebih RM10j

BH 8-8-2016 11

Keningau: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membina sebuah eko-farm dan Pusat Penyelidikan Makanan Ternakan di kawasan seluas 29.6 hektar di Apin-Apin.

Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Sairin Karno, berkata usaha UMS membangunkan eko-farm dan pusat penyelidikan itu tepat pada masanya.

“Kita berharap penubuhan pusat penyelidikan itu dapat membantu kerajaan negeri dalam memformulasikan makanan ternakan yang berkhasiat dengan kos yang lebih munasabah, selain menggunakan sumber makanan yang ada di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Keusahawanan Tani dan Kemasyarakatan UMS di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Apin-apin, di sini.

Yang turut hadir, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan selaku Ketua Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) Kluster Pertanian UMS Dr Bonaventure Boniface.

Inkubasi ternakan tenusu

Lebih RM10 juta diperuntukkan UMS bagi membina eko-farm dan pusat penyelidikan berkenaan.

Sementara itu, Bonaventure berkata kerja pembinaan akan dimulakan sekiranya kelulusan dimeterai antara UMS dengan pihak industri.

“Ruang inkubasi ternakan tenusu di pusat penyelidikan itu berperanan sebagai pusat latihan kepada mahasiswa, graduan dan usahawan muda bagi mendalami ilmu ternakan tenusu.

“Pembinaan pusat penyelidikan ini juga diharapkan mampu menjadikan kawasan pedalaman sebagai pusat ekopelancongan pendidikan, pada masa sama memberi impak ekonomi yang baik kepada masyarakat setempat,” katanya.

[FOTO FRANCIS ANDIN/BH]



Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah (kanan) menyerahkan cenderahati kepada Sairin sambil diperhatikan Pengetua SMK Apin-apin, Cheah Chu Tai di Keningau, semalam.